

# Sindiket lombong bitcoin haram licik, banyak helah

Oleh MASZUREEN HADZMAN dan AQILAH MIOR KAMARULBAID  
utusannews@mediamulia.com.my


**PETALING JAYA:** Sindiket perlombongan bitcoin semakin licik apabila mencari pelbagai helah bagi mengaburi mata pihak berkuasa supaya kegiatan dilakukan mereka tidak dikesan.

Antara helah adalah menggunakan data dan maklumat kad pengenalan orang lain untuk mendaftar meter elektrik dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi melakukan aktiviti melombong bitcoin.

Tidak cukup dengan itu, ada sebahagian sindiket sanggup 'tinggal' di kawasan-kawasan perindustrian yang terencil untuk mencuri bekalan elektrik bagi memastikan mesin 'perlombongan digital' dapat beroperasi 24 jam tanpa menanggung beban kos membayar bil.

Berkongsi dengan *Utusan Malaysia*, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, kegiatan sindiket-sindiket itu menyebabkan syarikat pembekal tenaga menanggung kerugian berjumlah jutaan ringgit setiap tahun.

Kata beliau, perkara itu dapat dilihat apabila sebanyak 799 kertas siasatan dibuka Polis Diraja Malaysia (PDRM) di selu-



**ANTARA** peralatan bagi menjalankan kegiatan perlombongan bitcoin dengan menggunakan elektrik secara haram yang dirampas polis. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

ruh negara sejak 2020 sehingga Februari lalu dengan nilai rampasan RM69.8 juta.

Ujar beliau, daripada jumlah itu, kertas siasatan tertinggi dibuka adalah pada tahun lalu iaitu sebanyak 570 kes dengan nilai rampasan RM54.5 juta.

"Pada 2020, sebanyak 20 kertas siasatan dibuka membatikan kerugian RM1.29 juta namun kes kecurian elektrik bagi aktiviti melombong bitcoin ini meningkat ketara tahun lalu.

"Bagi dua bulan pertama ini, meskipun penguatkuasaan digital namun aktiviti kecurian bekalan elektrik ini masih dikesan berlaku apabila sebanyak 209 kertas siasatan dibuka membatikan nilai rampasan RM15.7 juta," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Tidak menegakkan diri, Abd. Jalil menegaskan, dalam tempoh itu juga, sebanyak 879 serbuan dilakukan PDRM di premis-premis perniagaan yang diubah

suai oleh sindiket untuk melombong bitcoin di seluruh negara.

Kata beliau, dalam tempoh itu juga, sebanyak 627 individu ditahan bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 379, Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Selain, tindakan juga diambil mengikut Seksyen 37 (1) dan Seksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990.

Menerusi serbuan yang dijalankan itu, sebanyak 54,474 buah mesin bitcoin dirampas.